

Komoditi Getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB), 1900-1941

Rubber Commodity in Federated Malay States (FMS), 1900-1941

Nor Hasrinah Mohd Sahi & Khairi Ariffin

Jabatan Sejarah,
Fakulti Sains Kemanusiaan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Email: nurrynah91@gmail.com, khairi.ariffin@fsk.upsi.edu.my

Received: 06 August 2020; Accepted: 28 August 2020; Published: 19 October 2020

To cite this article (APA): Mohd Sahi, N. H., & Ariffin, K. (2020). Rubber commodity in Federated Malay States (FMS), 1900-1941. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 12(2), 1-10. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol12.2.1.2020>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol12.2.1.2020>

Abstrak

Artikel ini adalah tentang komoditi getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) antara tahun 1900-1941. Getah merupakan komoditi utama dalam kegiatan ekonomi pada zaman kolonial British di NNMB. Kajian ini dihasilkan dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah ini menekankan analisis dokumen dan manuskrip ke atas sumber primer seperti laporan tahunan dan fail-fail kerajaan British. Dapatan kajian menunjukkan aktiviti pertanian sudah menjadi rutin masyarakat tempatan, khususnya orang Melayu di NNMB. Tanaman yang menjadi pilihan masyarakat tempatan adalah seperti ubi kayu, lada, kopi dan gambir. Salah satu daripada tanaman penting sepanjang penjajahan di Tanah Melayu yang berkembang pesat adalah tanaman getah. Tanaman ini memberi keuntungan ekonomi ke atas British dan boleh dibuktikan melalui penjadualan harga eksport dan import tanaman getah di peringkat antarabangsa. Secara kesimpulannya, artikel ini memperlihatkan kepentingan tanaman getah khususnya ke atas pihak yang berkepentingan (*stakeholder*) selain daripada pihak British dalam proses pembinaan ekonomi di Tanah Melayu. Pada akhir tahapnya, artikel ini akan menilai sejauh mana getah dapat meningkatkan ekonomi British untuk terus utuh di Tanah Melayu.

Kata kunci: getah, harga, kolonial, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, British.

Abstract

This article is about the rubber commodity at the Federated Malay States (FMS) between the years of 1900-1941. Rubber was the major commodity in economic activity during the British colonial time at the NNMB. This study uses the qualitative method. This approach focuses on the analyses of the documents and manuscripts from the primer resources such as the annual year report and even the British government's file. The findings show that the agricultural activity has become a norm or routine for the local communities, particularly the Malays in FMS. The types of plantation that were usually planted by the local communities were cassava, pepper, coffee, and gambir. One of the important crops that has been expanding rapidly throughout colonial Malaya was rubber plantation. This crop had provided economic benefits to the British and this could be proven through the scheduling of the import and export prices of the rubber plant at the international level. In conclusion, this article has shown the importance of the rubber plantation to the stakeholders besides the British in the process of economic development in Malaya. At the end, this article examines the extent to which rubber could help increase the British's economy to remain strong in Malaya.

Keywords: rubber, market, colonial, Federated Malay States, British.

Pengenalan

Kejatuhan harga kopi dan masalah bencana alam yang berlaku di Brazil telah menyebabkan pemodal Eropah mengalami kerugian besar, dan seterusnya mengalihkan perhatian mereka untuk mencari tanaman dagang yang lain sebagai pengganti iaitu getah. Getah telah diperkenalkan di Tanah Melayu pada akhir abad ke-20. Jenis getah yang dibawa masuk ke Tanah Melayu adalah getah Para atau nama saintifiknya *Hevea Brasiliensis* yang berasal dari Brazil (Jin-Bee, 1968). Pada permulaan tanaman getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB), masyarakat Melayu sukar untuk menerimanya. Hal ini demikian kerana risiko dalam memperoleh hasil getah yang begitu lama iaitu antara enam tahun hingga ke tujuh tahun. Di samping itu, masyarakat tempatan juga beranggapan pokok getah tidak sesuai untuk ditanam di Tanah Melayu. Justeru, golongan ini masih meneruskan tanaman sampingan seperti kopi, lada hitam dan gambir. Dengan itu, usaha yang dilakukan oleh H.N Ridley dengan mengadakan kempen kesedaran mengenai kepentingan menanam pokok getah serta memperkenalkan kaedah mengangkat anak benih dengan cara membungkus dalam arang yang lembap telah menarik minat masyarakat tempatan (Jen, 1982). Selain itu, usaha yang memberi kesan jangka panjang adalah usaha H. N Ridley yang memperkenalkan kaedah menoreh dengan menggunakan pahat atau lebih dikenali sebagai Sistem *Ibedem* telah membuka mata masyarakat tempatan. Sistem *Ibedem* merupakan kaedah yang dilakukan dengan menoreh jalur nipis pada kulit pokok getah mengikut corak tulang ikan. Seterusnya membiarkan susu getah pada pokok itu meleleh masuk ke dalam mangkuk kecil (Jin-Bee, 1968). Teknik ini telah berjaya menarik minat masyarakat tempatan untuk mengembangkan tanaman getah di NNMB. Buktinya, pokok getah semakin banyak ditanam dengan pertambahan ladang-ladang getah di NNMB berikutan permintaan yang semakin tinggi dari Amerika Syarikat setiap tahun. Abad ke-19 menunjukkan zaman kegemilangan perkembangan industri getah yang menguntungkan pihak British. Syarikat-syarikat milik Eropah seperti *Bousted Buttery Estate Agency, Guthrie and Company, Harrison and Crosfield, Sime Darby* dan *Barlow and Company* mula untuk membuat pelaburan. Selain daripada menyalurkan modal, syarikat-syarikat ini juga terlibat dalam eksport dan import dalam perdagangan hasil getah (Radhakrishnan, 1974).

Sorotan Kajian Lepas

Kajian yang dihasilkan oleh Jin-Bee (1976) yang bertajuk *Peninsular Malaysia: New Edition of Land, People and Economy in Malaya* memfokuskan kepada perkembangan ekonomi masyarakat tempatan di Tanah Melayu. Ekonomi yang menjadi tumpuan dalam kajian Jin-Bee adalah getah. Kajian ini juga turut menyatakan perubahan harga getah zaman berlakunya kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1920an dan tahun 1930an. Jin-Bee juga memfokuskan kepada kesan perubahan harga getah pasaran di Tanah Melayu selepas dasar British memperkenalkan Sekatan Stevenson pada tahun 1922 terhadap ekonomi Tanah Melayu. Kajian oleh Gullick dan Gale (1986) yang bertajuk *Malaysia Its Political and Economic Development* mengandungi sepuluh bab. Keseluruhan penjelasan mengenai perkembangan industri getah terkandung dalam satu bab yang bertajuk *Agriculture, Mining, Industry and Trade*. Dalam kajian Gullick dan Gale ini memfokuskan kepada perkembangan komoditi getah bermula dari kemasukan tanaman ini ke Tanah Melayu iaitu pada abad ke-19 sehingga merdeka. Maklumat yang diperoleh berkaitan komoditi getah dari hasil kajian Gullick dan Gale ini hanya menjelaskan perkembangan tanaman getah di Tanah Melayu sehingga tahun 1922 iaitu selepas Sekatan Stevenson diperkenalkan. Kajian Gullick dan Gale juga membantu dalam memperoleh maklumat mengenai dasar-dasar yang diperkenalkan oleh British dalam memajukan industri getah di NNMB. Misalnya, dasar kemasukan imigran atau mengimport buruh Cina dan India. British telah membawa masuk buruh Cina dan India serta buruh dari Indonesia dengan jumlah yang ramai sehingga mengatasi jumlah masyarakat tempatan iaitu orang Melayu. Kemasukan yang tidak terkawal ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati masyarakat tempatan kerana telah melanggar *status quo* orang Melayu (Jin-Bee, 1976).

Kajian oleh Gullick (2003) juga yang bertajuk *A History of Negri Sembilan* membantu dalam memberi maklumat berkaitan perkembangan komoditi getah ini. Dalam kajian ini, Gullick menyetengahkan aspek pentadbiran di Negeri Sembilan sebelum dan selepas kemasukan pihak British di negeri ini. Selain itu, Gullick juga mengupas mengenai perkembangan ekonomi di Negeri Sembilan dengan memberi penekanan terhadap komoditi getah dan bijih timah yang maju. Kajian dari Masziah

(2009) yang bertajuk *Sejarah Pertanian Komersial di Selangor: Dengan Perhatian kepada Kopi, Getah, Padi dan Kelapa, 1900-1941* turut memberi idea mengenai perkembangan komoditi getah di NNMB. Secara keseluruhannya, kajian Masziah ini memfokuskan secara umum berkenaan perkembangan komoditi getah di NNMB ketika berlakunya kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1920an dan berakhir pada awal tahun 1930an. Pengeluaran hasil getah merosot dengan mendadakunya ketika berlakunya kemelesetan. Hal ini sekaligus menjatuhkan harga getah dan membantutkan permintaan getah asli di NNMB sebagai pengeluaran getah utama dunia. Namun begitu, kajian oleh Masziah tidak menyatakan harga getah di pasaran dan lebih menumpukan kepada pengeluaran hasil getah di NNMB. Selain daripada buku, jurnal juga dijadikan sebagai rujukan seperti kajian oleh Lim (1974) yang bertajuk *Malayan Peasant Smallholders and The Stevenson Restriction Scheme, 1922-1928* turut membantu dalam melengkapkan maklumat berkenaan perkembangan getah di NNMB. Lim memfokuskan kepada dasar British yang memberi impak besar terhadap pengeluaran getah iaitu Sekatan Stevenson yang diperkenalkan pada tahun 1922. Dalam kajian ini, Lim menyatakan bahawa sekatan Stevenson ini memberi kesan positif terhadap pekebun kecil di NNMB di samping meningkatkan harga getah di pasaran dunia. Namun begitu, kajian Lim kurang memberi tumpuan terhadap perubahan harga getah di pasaran bagi setiap negeri di NNMB. Kajian dalam *The British and Rubber in Malaya, c 1890-1940* oleh Hagan dan Wells (2005) pula menyentuh tiga perkara utama iaitu tanah, modal dan kebajikan pekerja di Tanah Melayu. Dasar-dasar yang diperkenalkan oleh British misalnya dasar tanah simpanan bagi penanaman getah.

Kaedah Kajian

Kajian ini dihasilkan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu penekanan terhadap analisis dokumen dan manuskrip. Kajian ini lebih memfokuskan kepada penggunaan sumber pertama. Misalnya *Colonial Office (C.O), Perak Annual Report, Annual Report Federal Malay State (F.M.S), Selangor Annual Report, Negeri Sembilan Annual Report, Pahang Annual Report dan Annual Report of Railways*. Kajian ini dijalankan di Arkib Negara Malaysia (ANM) untuk mendapatkan sumber sejarah yang lengkap pada era kolonial British. Untuk mendapatkan sumber sekunder, kajian ini banyak dijalankan di universiti awam di Malaysia seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Penilaian data dan keputusan dilakukan secara analitik dan interpretasi hermeneutik. Penyelidikan ini juga menganalisis kajian lepas sebagai sumber historiografi oleh penyelidik terdahulu. Kajian ini juga merujuk kepada tesis, buku dan jurnal sebagai input kepada penyelidikan yang dijalankan.

Kepentingan Tanaman Getah terhadap British

Pembukaan Ladang-Ladang Getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)

Ekoran permintaan getah yang semakin meningkat pada awal abad ke-20, mendorong kepada pertambahan dalam jumlah tanaman benih getah di NNMB. Sekali gus, pembukaan ladang-ladang baru meningkat. Ini dapat dibuktikan dengan pertambahan mendadak seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Jadual 1: Keluasan Tanah Tanaman Getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) Pada Tahun 1905 hingga Tahun 1909 (dalam ekar)

Negeri	1905	1906	1907	1908	1909
Perak	11,934	29,612	46,167	56,706	68,278
Selangor	25,758	44,821	61,552	82,246	93,953
Negeri Sembilan	5,718	10,663	17,656	27,305	31,945
Pahang	15	483	860	1,791	2,877
Jumlah (ekar)	43,425	85,579	126,235	168,048	197,053

Sumber: Lim (1977)

Jadual di atas menunjukkan keluasan tanah bagi tanaman getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) pada tahun 1905 hingga tahun 1909. Berdasarkan jadual di atas, jelas menunjukkan peningkatan dalam jumlah keluasan tanah bagi tanaman getah di NNMB. Permintaan getah yang semakin meningkat berikutan teretusnya Revolusi Industri telah meningkatkan jumlah keluasan tanah. Misalnya di negeri Selangor, jumlah keluasan pada tahun 1905 adalah 25, 758 ekar dan angka ini telah meningkatkan sebanyak 19,063 ekar menjadikan jumlah keluasan pada tahun 1906 adalah 44,821 ekar. Jumlah keluasan ini berterusan meningkat sehingga mencapai jumlah keluasan 93,953 ekar pada tahun 1909. Manakala di negeri Pahang, jumlah keluasan pada tahun 1905 hanya 15 ekar. Angka ini didapati meningkat sebanyak 468 ekar menjadikan jumlah keluasan pada tahun 1906 adalah 483 ekar. Jumlah keluasan ini terus bertambah pada tahun 1909 sehingga mencapai keluasan 2,877 ekar. Dengan penambahan ini telah memberi keuntungan yang berlipat ganda kepada pihak British.

Pada tahun 1906, jumlah keluasan tanah sehingga 31 Disember adalah 85000, 579 ekar bilangan pokok getah yang di tanam adalah sebanyak 10,745,002. Walau bagaimanapun bilangan pokok getah yang di toreh hanyalah sebanyak 441,488 batang pokok (Wright & Cartwright, 1989). Hasil yang diperoleh ini seterusnya dieksport ke Amerika Syarikat bagi tujuan pengeluaran automobil. Ladang-ladang getah ini juga diagih-agihkan kepada pengusaha-pengusaha ladang getah kerana turut menyumbang kepada perkembangan getah di NNMB. Pengagihan ini dilakukan mengikut kaum setelah kemasukan imigran-imigran ke NNMB bagi memudahkan dan melancarkan pentadbiran British. Pengagihan keluasan ladang dapat dijelaskan dalam jadual di bawah.

Jadual 2: Pengagihan Ladang Getah Mengikut Bangsa/Negara di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) bagi tahun 1938

Negeri	Bangsa/Negara (dalam ekar)			
	Eropah	Cina	India	Lain-Lain
Perak	255,360	28,268	20,473	2,781
Selangor	309,330	31,552	9,414	1,610
Negeri Sembilan	236,885	26,583	10,994	8,872
Pahang	52,266	31,673	6,223	142
Jumlah	853,841	118,076	47,104	13,405

Sumber: Department of Agricultural Straits Settlement and Federated Malay States (1939).

Berdasarkan Jadual 2 di atas menunjukkan jumlah agihan ladang getah pada tahun 1938 yang lebih dimonopoli oleh orang Eropah iaitu berjumlah 853,841 ekar. Manakala, orang Cina pula mendapat sebanyak 118,076 ekar ladang getah lebih banyak berbanding orang India yang hanya mendapat agihan ladang getah sebanyak 47,104 ekar. Hal ini demikian kerana orang India kebanyakannya hanya menjadi buruh kasar yang diimport oleh kerajaan British untuk mengusahakan industri getah. Manakala, orang Melayu pula yang merupakan penduduk tempatan di Tanah Melayu hanya menjadi pekebun kecil dan mendapat sedikit agihan tanah sahaja. Malahan, ramai dalam kalangan orang Melayu masih cenderung dalam menjalankan pertanian yang bercorak tradisional.

Sistem Pengangkutan

Ekoran daripada teretusnya Revolusi Industri, perkembangan ekonomi di NNMB khususnya dalam tanaman getah semakin rancak dan berkembang maju malah perkembangan ini juga meluas di kawasan pedalaman. Sehubungan itu, pihak British telah mengembangkan sistem pengangkutan di NNMB. Sistem pengangkutan di Tanah Melayu sudah mula dibina sejak berkembangnya perlombongan bijih timah, namun setelah perkembangan industri getah di NNMB, sistem pengangkutan diperluaskan lagi di seluruh kawasan yang mempunyai potensi dalam perusahaan ini dan menghubungkannya dengan pelabuhan bagi melancarkan aktiviti perdagangan. Pada tahun 1901, perkembangan sistem keretapi memperlihatkan matlamat baru setelah fasa kedua dibina yang lebih memfokuskan kepada perkembangan ekonomi khususnya tanaman getah. Sistem keretapi Perak dan

keretapi Selangor digabungkan dan dikenali sebagai *Federated Malay States Railways* di bawah pentadbiran seorang Pengurus Besar (Eaton & Day, 1917). Landasan yang dibina di negeri Selangor menghubungkan kawasan yang berpotensi maju dalam tanaman getah seperti Kuala Kubu Bharu dan Tanjung Malim yang telah siap dibina pada tahun 1900 (Amarjit Kaur, 1992).

Perkembangan sistem pengangkutan di Negeri Sembilan pula bermula apabila landasan keretapi dihubungkan ke arah Seremban dari Kuala Lumpur pada tahun 1899 dan seterusnya dihubungkan ke Pelabuhan Swettenham (Gullick, 2003). Laluan ini siap dibina pada tahun 1903. Setelah itu, keretapi Selangor dihubungkan dengan sistem keretapi Negeri Sembilan. Sekali gus, landasan ini menghubungkan kawasan-kawasan sekitarnya seperti Port Dickson dan Prai. Pada tahun 1905, laluan keretapi ini dipanjangkan lagi ke arah Selatan ke kawasan yang mudah dan berpotensi dalam perkembangan tanaman getah iaitu dengan menghubungkan kawasan Tampin. Tahun berikutnya pula laluan ini dilanjutkan ke Gemas. Berikut merupakan laluan stesen-stesen di NNMB pada tahun 1917.

Jadual 3: Laluan Stesen-Stesen di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) pada tahun 1917

Stesen-Stesen Keretapi bagi penyerahan getah pada tahun 1917			
Kapar	Tanjong Rambutan	Prai	Temoh
Kuala Selangor	Lahat Town	Bukit Mertajam	Tapah Road
Bahan	Siputeh	Nibong Tebal	Tanjong Malim
Batu Anam	Tronoh	Parit Buntar	Kuala Kubu
Rawang	Batu Gajah	Bagan Serai	Kuala Kangsar
Gemas	Kampar	Taiping	
Batu Tiga	Kuang	Sungei Siput	
Chemor	Serendah	Rasa	

Sumber: Eaton & Day (1917)

Jadual 3 di atas menunjukkan laluan transit yang bersifat pengumpulan dan pengangkutan stesen-stesen keretapi di NNMB yang telah diatur semula bagi penyerahan getah yang bermula pada 1 September 1917. Kawasan-kawasan yang dipilih oleh pihak British ini merupakan kawasan yang berpotensi dalam mengembangkan tanaman getah. Pengaturan laluan stesen-stesen ini dilaksanakan adalah bagi mengatasi masalah yang berlaku terhadap stesen kecil yang merosot dalam penyimpanan serta penjagaan getah pada waktu malam yang tidak selamat (Gullick, 2003). Justeru itu, Jawatankuasa Tetap Negeri-Negeri Melayu Bersekutu juga telah mencadangkan 14 lagi stesen baru bagi mengatasi masalah yang sama (Eaton & Day, 1917).

Kemajuan jalan raya yang baik dan lebih efisien juga turut menyumbang kepada perkembangan industri getah di NNMB. Jalan raya yang dibina ini berfungsi sebagai jalan pembekal atau *feeder road* untuk ke landasan keretapi. Seterusnya, hasil getah yang diperoleh diangkut ke pelabuhan-pelabuhan dengan menggunakan keretapi. Misalnya di negeri Selangor, jalan raya telah dibina sepanjang 661 batu yang mempunyai keluasan tanaman getah sebanyak 135,468 ekar. Permintaan getah yang semakin meningkat mendorong kepada pertambahan dalam jumlah keluasan tanah bagi tanaman getah dan hal ini sangat ketara pada tahun 1930 yang mempunyai keluasan sebanyak 501, 351 ekar. Manakala, kepanjangan jalan raya yang dibina dianggarkan kira-kira 951 batu pada tahun 1930 (Aiken, 1994).

Penggunaan Perkhidmatan Telefon

Keperluan perdagangan mendorong kepada penggunaan perkhidmatan telefon bagi melancarkan urusan perdagangan. Estet atau ladang getah yang dimiliki oleh Eropah khususnya di kawasan Klang banyak membuat permohonan untuk menggunakan perkhidmatan telefon bagi memudahkan dan melancarkan perniagaan mereka (Selangor Government Gazette, 1906). Perkhidmatan telefon disediakan oleh *Posts and Telegraphs Department Federated Malay States* yang beribu pejabat di

Kuala Lumpur. Penggunaan perkhidmatan ini sudah lama diperkenalkan iaitu semenjak bijih timah berkembang maju di Tanah Melayu, namun setelah getah menjadi komoditi terpenting dunia pada abad ke-19, penggunaan telefon diperluaskan (Aiken, 1994). Selain orang berbangsa Eropah, orang Cina juga tidak terkecuali dalam menggunakan perkhidmatan telefon. Hal ini berikutan orang Cina juga mempunyai ladang sendiri namun saiz ladang yang dimiliki adalah lebih kecil berbanding dengan ladang yang dimiliki oleh orang Eropah. Misalnya, Loke Yew, Hock San dan Chow Kit. Pada tahun 1908, Loke Yew mempunyai ladang yang diberi nama *Batu Unjor Rubber Company* seluas 489 ekar dan mempunyai ramai buruh yang berjumlah 400 orang untuk mengusahakan ladangnya. Dalam memperkembangkan syarikatnya, Loke Yew juga menggunakan perkhidmatan telefon untuk rumah dan premis perniagaannya (Selangor Government Gazette, 1906). Cas yang dikenakan bagi setiap panggilan adalah 10 sen pada tahun 1913 dan meningkat pada tahun 1914 menjadikan jumlah bayaran sebanyak \$129 (The Federated Malay States Government Gazette, 1914). Berikut merupakan perkhidmatan talian jauh yang disediakan di NNMB.

Jadual 4: Perkhidmatan Talian Jauh di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)

Tahun	Talian
1917	Rawang – Kuala Kubu Kuala Kubu – Tanjong Malim
1920	Klang – Kuala Selangor Kuala Lumpur – Seremban
1923	Kuala Lumpur – Ipoh Kuala Lumpur – Tapah Gap – Kuala Kubu
1924	Kuala Kubu – Rawang Kuala Lumpur – Semenyih Kajang – Nilai

Sumber: The Federated Malay States Government Gazette (1924)

Jadual 4 di atas merujuk kepada kawasan talian telefon dengan jarak jauh yang dibuka pada tahun 1917, 1920, 1923 dan tahun 1924. Talian yang dibuka di kawasan Gap ke Kuala Kubu merupakan talian yang baru diperkenalkan. Pada tahun 1924, talian di kawasan Gap ke Kuala Lumpur, Kuala Lumpur ke Semenyih, Kuala Kubu ke Rawang dan Kajang ke Nilai, Negeri Sembilan juga dibuka pada tahun 1924. Penggunaan telefon pada era perkembangan industri getah ini sangat penting kepada pihak British bagi memudahkan urusan perniagaan dan perdagangan hasil getah. Misalnya yang dilakukan oleh Loke Yew yang juga menggunakan perkhidmatan telefon untuk rumah dan premis perniagaannya (Selangor Government Gazette, 1906).

Pembukaan Pelabuhan Swettenham di Selangor

Pelabuhan berperanan penting dalam sesuatu aktiviti perdagangan yang melibatkan negara-negara luar. Perusahaan getah di NNMB berkembang dengan cepat ekoran permintaan dari Amerika Syarikat yang banyak dan berterusan. Oleh itu, ia sangat memerlukan kemudahan perkapalan yang cepat untuk proses eksport bagi menjimatkan perbelanjaan. NNMB sangat bergantung kepada pelabuhan Pulau Pinang dan pelabuhan Singapura yang dimiliki oleh Negeri-Negeri Selat (NNS). Setelah pelabuhan Swettenham atau kini lebih dikenali sebagai Pelabuhan Klang dibuka di Selangor, ia menjadi satu pelabuhan yang sangat penting dalam urusan eksport hasil ekonomi khususnya getah di NNMB. Seperti yang diperkatakan oleh Allen (1953):

“Klang was the main port of Selangor long before Port Swettenham was constructed nearer the mouth of the same river. The railway line between the Klang River and Kuala Lumpur was laid in 1886, and extended to Klang itself in 1890. The extension across the Klang River to Port Swettenham took place in 1899 shortly after the Federated Malay States had been formed in 1895.”

Satu pelabuhan yang sangat penting dalam aktiviti perdagangan bagi NNMB ialah Pelabuhan Swettenham, Selangor. Pelabuhan ini terletak di Kuala Sungai Klang iaitu kira-kira 26 batu dari bandaraya Kuala Lumpur (Federation of Malaya, 1958). Pelabuhan Swettenham secara rasminya telah dibuka untuk lalulintas pada 15 September 1901 dan dikendalikan oleh Jabatan Laluan dan Kerja yang ditadbir sepenuhnya oleh Keretapi Tanah Melayu (KTM) (Gullick, 2000). Pelabuhan ini dikatakan salah satu pelabuhan yang sangat strategik kerana terletak di tengah-tengah laluan perdagangan antarabangsa melalui Selat Melaka. Justeru itu, pelabuhan ini disambungkan dengan sistem landasan keretapi bagi melancarkan penghantaran barang dagangan ke pelabuhan. Dermaga-dermaga juga dibina dan siap sepenuhnya pada tahun 1914 bagi memudahkan kapal dagang berlabuh dengan baik dan selamat. Jadual 5 di bawah menjelaskan mengenai jumlah eksport hasil getah yang dijalankan di Pelabuhan Swettenham pada tahun 1909 hingga tahun 1916.

Jadual 5: Jumlah Eksport Getah ke Pelabuhan Swettenham bagi tahun 1909 hingga Tahun 1916

Tahun	Kuantiti (tan)	Harga (sterling)
1909	1,594.88	974,064.00.00
1910	3,129.79	2,626.871.18.4
1911	4,682.11	2,488,30.18.4
1912	7,991.13	3,798,453.13.8
1913	11,627.92	3,281.070.6.8
1914	14,015.50	2,918,070.6.8
1915	19,120.39	4,685,929.5.4
1916	26,162.93	7,189,997.17.0

Sumber: Diubahsuai daripada F.M.S Government (1915) dan F.M.S Government (1917).

Jadual 5 di atas menunjukkan jumlah eksport getah ke Pelabuhan Swettenham yang bermula dari tahun 1909 hingga tahun 1916. Perkembangan getah dalam tempoh ini menunjukkan peningkatan dalam jumlah hasil eksport dari tahun ke tahun. Hal ini jelas dibuktikan pada tahun 1909 menunjukkan peningkatan sebanyak 1534.91 tan getah yang dihantar ke Pelabuhan Swettenham untuk tujuan pengeksporan. Angka ini meningkat dari tahun ke tahun sehingga mencapai peningkatan sebanyak 3,636.79 tan getah pada tahun 1913. Pada tahun 1914, telah tercetusnya Perang Dunia Pertama dan peristiwa ini mengakibatkan gangguan terhadap aktiviti mengeksport hasil getah. Justeru itu, jumlah hasil eksport merosot sebanyak 2,387.58 tan getah berbanding pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, angka ini meningkat pada tahun berikutnya sebanyak 5,104.89 tan getah pada tahun 1915 dan 7,042.54 tan pada tahun 1916.

Kerancakkan aktiviti yang dijalankan di Pelabuhan Swettenham pada era perkembangan getah di NNMB akhirnya merosot pada tahun 1914, berikutan Perang Dunia Pertama yang tercetus pada tahun 1914 dan berakhir pada tahun 1918. Ia telah menjejaskan peranan Pelabuhan Swettenham sebagai pelabuhan utama dalam melancarkan pergerakan aktiviti mengeksport getah asli ke luar negara. Hal ini ditunjukkan dalam jadual 5. Natijah daripada peristiwa ini mengakibatkan kemerosotan terhadap jumlah permintaan getah asli dari NNMB yang ingin dieksport ke luar negara. Jadual 6 di bawah jelas menunjukkan jumlah kapal dagang yang berlabuh di Pelabuhan Swettenham pada tahun 1914 sehingga tahun 1918 iaitu zaman Perang Dunia Pertama.

Jadual 6: Jumlah Kapal di Pelabuhan Swettenham Pada Tahun 1914 hingga Tahun 1918

Tahun	Kapal Eksport	Kapal Import	Jumlah
1914	121	29	180
1915	87	39	126
1916	79	39	118
1917	50	19	69
1918	50	9	39

Sumber: F.M.S Government (1918).

Jadual 6 di atas menunjukkan jumlah kapal yang berperanan dalam mengeksport dan mengimport getah asli NNMB yang singgah di pelabuhan Swettenham pada tahun 1914 hingga tahun 1918 iaitu semasa berlakunya Perang Dunia Pertama. Jelas dilihat dalam jadual di atas kapal yang singgah di pelabuhan tersebut semakin berkurangan dengan mendadak. Misalnya pada tahun 1914, jumlah kapal eksport berjumlah 121 dan berkurang sebanyak 71 buah menjadikan jumlah kapal pada tahun 1918 sebanyak 50 buah kapal. Manakala, kapal import juga menunjukkan pengurangan yang mendadak. Pada tahun 1914, jumlah kapal import adalah 29 buah dan angka ini berkurang sebanyak 20 buah pada tahun 1918 menjadikan jumlah hanya 9 buah sahaja. Hal ini menyebabkan hasil getah yang ingin dieksport semakin merosot, sekali gus, menjejaskan ekonomi di NNMB.

Menjelang tahun 1930, jumlah eksport bersih getah mencapai angka yang tinggi. Walau bagaimanapun, peningkatan ini tidak berterusan ekoran berlakunya kemelesetan ekonomi dunia sehingga menjejaskan industri getah di NNMB. Jumlah eksport hasil getah dapat dijelaskan dalam jadual di bawah.

Jadual 7: Eksport Bersih Getah di NNMB bagi tahun 1930 hingga tahun 1932

Tahun	Jumlah Eksport (dalam tan)
1930	420,985
1931	393,603
1932	385,961

Sumber: Tempany (1934).

Jadual 7 di atas menunjukkan jumlah eksport bersih getah di NNMB pada tahun 1930 hingga tahun 1932. Namun begitu, kedudukan jumlah eksport getah adalah dilihat merosot. Pada tahun 1930, eksport bersih getah adalah berjumlah 420,985 ekar dan angka ini merosot sebanyak 27,382 tan menjadikan jumlah eksport bersih getah pada tahun 1931 adalah 393,603 tan. Seterusnya pada tahun 1932 didapati jumlah eksport bersih berkurang sebanyak 7,642 tan kepada 385,961 tan.

Sistem Perbankan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)

Perkembangan sistem perbankan di NNMB adalah agak perlahan pada awal abad ke-20. Ini dapat dibuktikan pada tahun 1926 di mana hanya terdapat 18 buah bank sahaja. Tiga buah bank daripadanya adalah milik bank tempatan. Manakala selebihnya adalah milik pihak British. Pada tahun 1936, orang India di NNMB mula menunjukkan minat untuk menubuhkan bank sendiri bagi tujuan membiayai import dan agihan dalam negeri. Di samping itu, penubuhan bank sendiri ini juga adalah bagi memudahkan masyarakat India memperoleh kewangan dan pinjaman dalam menyara kehidupan di NNMB. Begitu juga dengan orang Cina yang melibatkan diri dalam aktiviti perbankan di NNMB. Orang Cina yang berpendidikan tinggi dan mempunyai modal yang besar mengambil peluang untuk menjana pendapatan dengan menubuhkan beberapa bank di NNMB dan bank pertama yang ditubuhkan adalah Perbadanan Perbankan Kwong Yik di Selangor. Bank ini ditubuhkan pada bulan Julai 1913 oleh usahawan Cina Kantonis bagi membantu komuniti Kantonis (Tan, 1961).

Selepas tamatnya Perang Dunia Pertama yang tercetus pada tahun 1914, sebuah bank lagi telah ditubuhkan pada tahun 1917 dengan kerjasama orang Hokkien iaitu Ho Hong Bank di Singapura. Seterusnya, bank ini meluaskan perniagaannya dengan membuka cawangan di Seremban, Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun, bank ini telah diambil alih oleh bank China luar negara. Seterusnya pada tahun 1920, Bank Malaya telah ditubuhkan di Ipoh, Perak. Walau bagaimanapun, bank ini ditutup ketika berlakunya kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1930-an (Tan *et al.*, 2005). Terdapat beberapa bank yang ditubuhkan oleh orang Cina pada abad ini iaitu *Bank China Overseas* yang ditubuhkan pada tahun 1919, *Bank of Communication* ditubuhkan pada tahun 1912, Lee Wah Bank yang ditubuhkan pada tahun 1920, *Overseas Chinese Banking* yang ditubuhkan pada tahun 1932 dan *United Chinese Bank* serta Bank Ban Hin Lee yang ditubuhkan pada tahun 1935 (Tan *et al.*, 2005). Kesemua bank yang ditubuhkan ini berpusat di Singapura.

Dengan perkembangan komoditi getah ini telah mengubah peranan bank yang pada asalnya adalah bagi memenuhi kehendak penduduk tempatan dalam menjaga kebajikan mereka di NNMB seterusnya beralih kepada bank perdagangan seiring dengan kepesatan ekonomi di NNMB. Walau bagaimanapun, harga getah yang tidak konsisten berikutan berlakunya Perang Dunia Pertama dan kemelesetan ekonomi dunia yang teruk telah menjejaskan prestasi bank-bank perdagangan.

Kesimpulan

Ekonomi masyarakat tempatan khususnya orang Melayu di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) sebelum kemasukan British adalah bersifat tradisional iaitu masyarakat tempatan yang cenderung dengan menanam kopi dan gambir serta tanaman sampingan seperti tebu, nenas dan lain-lain. Berikutan kejatuhan harga kopi yang telah menjejaskan keuntungan pihak British dan seiring dengan tercetusnya Revolusi Perindustrian di Eropah telah mendorong Amerika Syarikat memperkenalkan tanaman baru iaitu getah di NNMB. Sekali gus ia meningkatkan permintaan getah secara berterusan pada tahun 1900 hingga tahun 1913. Melihat kepada perkembangan getah di NNMB ini telah menarik minat pelabur dan pemodal dari Eropah untuk melibatkan diri dalam perusahaan getah. British juga menggalakkan kemasukan buruh asing ke NNMB khususnya orang India dan Cina bagi mengusahakan ladang getah kerana kos yang murah dan mudah untuk dikawal. Walau bagaimanapun, kebanyakan golongan Cina yang mempunyai modal besar telah membuat pelaburan di NNMB dengan membeli ladang atau estet sendiri dan seterusnya mengembangkan ladang getah bagi tujuan eksport ke luar negara. Manakala, orang Melayu hanya menjadi pekebun kecil kerana golongan ini masih cenderung untuk menjalankan aktiviti bercorak tradisional.

Dengan perkembangan getah, infrastruktur mula diperluaskan bagi melancarkan lagi aktiviti perdagangan di NNMB. Misalnya sistem perhubungan, sistem pengangkutan, pelabuhan dan sistem perbankan. Sistem pengangkutan seperti landasan kereta api yang telah berkembang maju sejak bijih timah menjadi komoditi utama di NNMB telah diperluaskan dan dipanjangkan ke kawasan-kawasan yang berpotensi tinggi dalam memajukan tanaman getah. Selain itu, jalan raya juga dibina bagi menghubungkan kawasan pedalaman ke Pelabuhan Stewettenham bagi memudahkan pengangkutan hasil getah dengan pantas dan lancar. Sistem perhubungan yang diperkenalkan seperti telegraf dan perkhidmatan telefon juga sangat ditekankan oleh pihak British. Pengusaha-pengusaha ladang getah membuat permohonan kepada kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan ini di gudang masing-masing bagi memudahkan urusan perdagangan. Akhir sekali, sistem perbankan yang diperkenalkan setelah berkembangnya tanaman getah di NNMB telah menguntungkan pihak British berlipat ganda. Bank-bank yang ditubuhkan di NNMB bukan sahaja dipelopori oleh orang Eropah malah terdapat juga bank tempatan yang ditubuhkan oleh orang India dan Cina. Peranan bank yang ditubuhkan di NNMB oleh orang India dan Cina ini pada awalnya adalah untuk menjaga kebajikan masyarakat dengan menawarkan pinjaman serta simpanan. Setelah komoditi getah semakin maju, ia telah mengubah peranan bank di NNMB kepada bank perdagangan.

Rujukan

- Aiken, S. R. (1994). *Pembangunan dan persekitaran di Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Allen, D. F. (1953). *Reports in the minor ports of Malaya*. Singapore: Government Printers.
- Amarjit Kaur. (1992). *Perkembangan ekonomi Selangor: Suatu tinjauan sejarah*. Kuala Lumpur: United Selangor Press Sdn Bhd.
- Department of Agricultural Straits Settlements and Federated Malay States. (1939). *Malayan agricultural statistics, 1938*. Kuala Lumpur: Caxton Press Ltd.
- Eaton, B. J., & Day, W. F. (1917). Investigation on sulphur in vulcanized rubber. *The Agricultural Bulletin of Federated Malay States*. No. 2, vol. 6.
- Federation of Malaya. (1958). *Report of inquiry into the port of Port Swettenham*. Kuala Lumpur: Government Printers.

- F.M.S Government. (1915). *Annual report on the Trade Department Port Swettenham for the year 1914-1915*. Kuala Lumpur: Government Printing Office.
- F.M.S Government. (1917). *Annual report on the trade of Custom Department Port Swettenham for the year 1916-1917*. Kuala Lumpur: Government Printing Office.
- F.M.S Government. (1918). *Annual report of Federated Malay States railways 1914-1918*. Kuala Lumpur: Government Printing Office.
- Gullick, J. M. (2000). *A history of Kuala Lumpur, 1857-1939*. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (MBRAS).
- Gullick, J. M. (2003). *A history of Negri Sembilan*. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (MBRAS).
- Gullick, J. M., & Gale, B. (1986). *Malaysia: Its political and economic development*. Petaling Jaya: Pelanduk Publication.
- Hagan, J., & Wells, A. (2005). The British and rubber in Malaya, c1890-1940. <https://ro.uow.edu.au/artspapers/1602> [Muat naik pada 20 Februari 2020].
- Jen, L. D. (1982). *British Malaya: An economic analysis*. Kuala Lumpur: Institut Analisa Sosial (INSAN).
- Jin-Bee, O. (1968). *Bumi, penduduk dan ekonomi di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jin-Bee, O. (1976). *Peninsular Malaysia. New edition of land, people and economy in Malaysia*. New York: Longman.
- Lim, T. G. (1974). Malayan peasant small holders and the Stevenson Restriction Scheme, 1922-1928. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 47(2), 105-22.
- Lim, T. G. (1977). *Peasant and their agricultural economy in colonial Malaya 1874-1941*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Maszhiah, M. (2009). Sejarah pertanian komersial di Selangor: Dengan perhatian kepada kopi, getah, padi dan kelapa, 1900-1941. *Tesis Sarjana*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.
- Radhakrishnan, P. (1974). The role of rubber in the West Malaysian economy. *Tesis Doktor Falsafah*. California: Stanford University.
- Selangor Government Gazette. (1906). *Report on Klang District 1905*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia (ANM).
- Tan, E. L. (1961). The Chinese banks incorporated in Singapore and the Federation of Malaya. dalam T.H. Silcock (ed.). *Readings in Malayan Economics*. Singapore: Eastern Universities Press.
- Tan, T. J., Ho, W. F., & Tan, J. L. (2005). *The Chinese Malaysian contribution*. Kuala Lumpur: Centre for Malaysian Chinese Studies.
- Tempany, H. A. (1934). *Annual report of the Department of Agricultural, S. S and F. M. S for the year 1934*. Kuala Lumpur: Printed at the Federated of Malay States Government Press.
- The Federated Malay States Government Gazette. (1914). *Report on posts and telegraphs department for the year 1914*. Kuala Lumpur: Government Printing Office.
- The Federated Malay States Government Gazette. (1924). *Report on the posts and telegraphs department for the year 1924*. Kuala Lumpur: Government Printing Office.
- Wright, A., & Cartwright, H. A. (1989). *Twentieth century impressions of British Malaya: Its history, people, commerce, industries, and resources*. Singapore: Graham Brash pte.ltd.